



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BILANGAN 8 TAHUN 2023

TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2024

1. TUJUAN

Surat Arahan Operasi ini bertujuan untuk memaklumkan:

- 1.1 Tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2024; dan
- 1.2 Peraturan yang perlu dipatuhi oleh Jabatan bagi memastikan tatacara pengurusan bayaran emolumen dapat dilaksanakan dengan tepat, betul dan emolumen dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan.

2. TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN

Tarikh pembayaran emolumen bulanan tahun 2024 adalah seperti di **Lampiran A** dan ditetapkan berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 105 yang berkuatkuasa.

3. PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN

3.1. Pembayaran Emolumen Melalui Sistem iSPEKS

- 3.1.1. Semua Jabatan hendaklah mengunci masuk Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin1/2019) ke dalam sistem iSPEKS mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Negeri Melaka bagi mengelakkan sebarang kelewatan. Sila rujuk **Lampiran B**. Pastikan perubahan emolumen tersebut telah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.
- 3.1.2. Semua Jabatan hendaklah menyemak maklumat dalam laporan Fail Induk Gaji serta membuat pelarasan dan pembedahan jika perlu. Kesilapan yang perlu dibetulkan dalam laporan Fail Induk Gaji termasuk perkara berikut:
 - i. Butiran peribadi;
 - ii. Nombor akaun bank;

- iii. Tarikh lantikan;
- iv. Tangga gaji;
- v. Nombor rujukan:
 - a) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
 - b) Cukai Pendapatan;
 - c) Pinjaman dan sebagainya.

- 3.1.3. Semua arahan bagi potongan emolumen hendaklah lengkap dan tepat dengan maklumat nama, nombor kad pengenalan dan nombor rujukan potongan. Kegagalan untuk berbuat sedemikian akan menyebabkan potongan emolumen tidak dapat dikreditkan ke akaun yang betul.
- 3.1.4. Sebarang pertukaran akaun bank hendaklah dibuat melalui Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin1/2019) dan disokong dengan salinan buku bank atau penyata akaun sahaja bagi memastikan emolumen dapat dibayar kepada penerima pada tarikh yang ditetapkan.
- 3.1.5. Bagi kes-kes yang melibatkan kakitangan baru, pertukaran kakitangan dan kakitangan kontrak, pihak Jabatan perlu mengunci masuk data Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin1/2019) ke dalam sistem iSPEKS dengan seberapa segera.

3.2. **Pembayaran Emolumen Bagi Pekerja Bergaji Hari**

Bayaran hendaklah diproses bermula 1 haribulan atau hari bekerja pertama bulan berikutnya.

4. **PENUTUP**

- 4.1. Semua Pegawai Pegawai dan Ketua Jabatan/ PTJ adalah diminta memberi kerjasama dan mematuhi peraturan dan tarikh yang ditetapkan supaya pembayaran emolumen dapat disediakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- 4.2. Surat Arahan Operasi ini boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang <https://jkpnm.melaka.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SUZAIMAN BIN ELIAS C.A(M))

Bendahari Negeri
Melaka

s.k.:

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

YB Pegawai Kewangan Negeri Melaka

Pengarah Jabatan Audit Negara
Negeri Melaka

Pengarah
Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Awam
Jabatan Ketua Menteri Melaka

Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
(u.p.: Unit Perakaunan Negeri Dan Agensi)

TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN BULANAN
BAGI TAHUN 2024

BULAN	TARIKH	HARI	CATATAN
Januari	24.01.2024	Rabu	Hari Thaipusam 25 Januari 2024 (Khamis)
Februari	23.02.2024	Jumaat	Tahun Baru Cina 10 & 11 Februari 2024 (Sabtu & Ahad)
Mac	22.03.2024	Jumaat	
April	25.04.2024	Khamis	Hari Raya Puasa 10 & 11 April 2024 (Rabu & Khamis)
Mei	24.05.2024	Jumaat	Hari Pesta Keamatan 30 & 31 Mei 2024 (Khamis & Jumaat)
Jun	13.06.2024	Khamis	Hari Gawai 1 & 2 Jun 2024 (Sabtu & Ahad) Hari Raya Haji 17 & 18 Jun 2024 (Isnin & Selasa)
Julai	19.07.2024	Jumaat	
Ogos	22.08.2024	Khamis	
September	25.09.2024	Rabu	
Oktober	24.10.2024	Khamis	Hari Deepavali 31 Oktober 2024 (Khamis)
November	22.11.2024	Jumaat	
Disember	19.12.2024	Khamis	Hari Krismas 25 Disember 2024 (Rabu)

**JADUAL BAGI TARIKH AKHIR KUNCI MASUK BORANG PERUBAHAN GAJI (KEW.320) DAN
TARIKH GAJI DIBAYAR MELALUI SISTEM ISPEKS
BAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2024**

BULAN	TARIKH AKHIR KUNCI MASUK KEW.320	TARIKH GAJI
Januari	08.01.2024 (Isnin)	24.01.2024 (Rabu)
Februari	05.02.2024 (Isnin)	23.02.2024 (Jumaat)
Mac	05.03.2024 (Selasa)	22.03.2024 (Jumaat)
April	29.03.2024 (Jumaat)	25.04.2024 (Khamis)
Mei	06.05.2024 (Isnin)	24.05.2024 (Jumaat)
Jun	31.05.2024 (Jumaat)	13.06.2024 (Khamis)
Julai	02.07.2024 (Selasa)	19.07.2024 (Jumaat)
Ogos	05.08.2024 (Isnin)	22.08.2024 (Khamis)
September	04.09.2024 (Rabu)	25.09.2024 (Rabu)
Oktober	04.10.2024 (Jumaat)	24.10.2024 (Khamis)
November	06.11.2024 (Rabu)	22.11.2024 (Jumaat)
Disember	29.11.2024 (Jumaat)	19.12.2024 (Khamis)